



KERTAS DATA KESELAMATAN BAHAN (KDKB)

Desediakan menurut EC Directive 1907/2006/EC, Article 31

Tarikh Ulangkaji: 05/Ogos/2011

Kod Produk: CESFORMDRY

1. IDENTIFIKASI BAHAN/PENYEDIAAN DAN SYARIKAT/AKUJANJI

Nama Produk: Sesium Format

Sinonim: CsCOOH-H₂O, Sesium Format Monohidrat

Pengunaan Bahan/Penyediaan: Bendalir penggerudian dan penyelesaian, Produk Perindustrian

Pembekal:

Cabot Specialty Fluids Waterway Plaza Two 10001 Woodloch Forest Drive Suite 275 The Woodlands, TX 77380 UNITED STATES Tel: 1-281-298-9955 Faks: 1-281-298-6190	Tantalum Mining Corporation of Canada, Ltd. Bernic Lake Box 2000 Lac du Bonnet, MB R0E 1A0 CANADA Tel: 1-204-884-2400 Faks: 1-204-884-2211	Cabot Specialty Fluids Ocean House Hareness Circle Altens Industrial Estate Aberdeen AB12 3LY SCOTLAND Tel: (+44) 1224-897229 Faks: (+44) 1224-870089
---	---	--

E-Mail Address: SDS@cabot-corp.com

Nombor Telefon Kecemasan: America Syarikat: CHEMTREC 1-800-424-9300 or 1-703-527-3887
Kanada: CANUTEC 1-613-996-6666
UK: (+44) 144 673 6999

2. IDENTIFIKASI BAHAYA

Piktogram:



Kata Isyarat: AMARAN!

Klasifikasi menurut Peraturan (EC) No 1272/2008: Ketoksikan Akut 4, H302
Kerengsaan Mata 2, H319
STOT SE 2, H371
STOT RE 2, H373

Pernyataan Bahaya: H302 - Memudaratkan jika ditelan
H319 - Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
H371 - Mungkin menyebabkan kerosakan pada sistem saraf
H373 - Mungkin menyebabkan kerosakan pada berbilang organ, sistem saraf, dan darah melalui pendedahan berpanjangan atau berulang kali

Pernyataan Waspada:

P260 - Jangan menghirup habuk
P264 - Basuh bersih tangan anda selepas mengendalikannya
P280 - Pakai perlindungan mata
P305+P351+P338 - JIKA MASUK MATA: curah secara berhati-hati dengan air banyak selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekap, jika dipakai dan mudah ditanggalkan. Teruskan membilas.
P337+P313 - Jika kerengsaan mata tetap degil, minta nasihat doktor
P270 - Jangan makan, minum atau merokok apabila menggunakan produk ini
P301+P312 - JIKA DITELAN: hubungi pusat racun atau doktor jika berasa kurang sihat
P330 - Bilas mulut secara berkumur-kumur
P405 - Simpan dalam keadaan berkunci
P501 - Lupuskan kandungan/bekas sejajar dengan peraturan tempatan, serantau, negara dan antarabangsa

Klasifikasi menurut Arahan 67/548/EEC: Xn; R48/22
Xi; R36

Bahaya lain: Tiada yang diketahui

Cara-Cara Pendedahan yang Utama: Sedutan, Terkena Mata, Terkena Kulit

KESAN TERHADAP KESIHATAN YANG KEMUNGKINAN

Pendedahan Mata: Merengsa mata. Elakkan sentuhan dengan mata.

Pendedahan Kulit: Boleh menyebabkan kerengsaan. Elakkan sentuhan dengan kulit.

Sedutan: Habuk mungkin akan merangsang saluran respirasi. Jangan sedut habuk.

Tertelan: Memudaratkan jika ditelan. Kesan buruk pada sistem organ berbilang telah dicerap pada haiwan menyusuli pendedahan oral berulang kali kepada sesium format. Namun begitu, kesan tersebut tidak dijangkakan dalam keadaan pengendalian normal. Lihat Seksyen 11.

Kesan Karsinogen: Tidak mengandungi apa-apa zat yang disenaraikan oleh IARC (Agensi Kaji Selidik Kanser Antarabangsa), NTP (Program Toksikologi Negara), OSHA (Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), ACGIH (Persidangan Ahli Kebersihan Industri Kerajaan Amerika Syarikat) atau EU (Kumpulan Eropah). Sila rujuk Bahagian 11.

Organ Sasaran: Sistem pernafasan, Mata, Kulit, Sistem saraf

Masalah Perubatan yang Diketuk Melalui Pendedahan: Tiada dalam penggunaan biasa

Kesan Kepada Alam Sekitar yang Kemungkinan: Elakkan pembebasan ke alam sekitar. Sila rujuk Bahagian 12.

3. KOMPOSISI/ MAKLUMAT MENGENAI KANDUNGAN BAHAN

Nama Kimia	Nombor CAS	Nombor EINECS/ELINCS	Berat %	Klasifikasi EU
Cesium Formate	3495-36-1	222-492-8	>99	Xn;R48/22 Xi;R36
Water	7732-18-5	231-791-2	<1	Tiada
Other alkali formates	Various	Tidak ditentukan	<0.1	Tiada

4. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

Pendedahan Kulit:	Basuh kulit dengan rapi menggunakan air dan sabun. Tanggalkan pakaian dan kasut yang tercemar. Dapatkan pemeriksaan perubatan jika terjadi kemerahan, bengkak, gatal, atau rasa terbakar.
Pendedahan Mata:	Bilas mata segera dengan air yang banyak selama 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika terdapat kemerahan, bengkak, kegatalan, lecuran atau gangguan penglihatan.
Sedutan:	Jika batuk, sesak nafas atau terdapatnya masalah pernafasan yang lain, beralih ke udara yang segar. Dapatkan rawatan perubatan jika kesan-kesan berterusan. Jika perlu, pulihkan pernafasan kepada biasa dengan menggunakan langkah-langkah keselamatan yang am.
Tertelan:	Jangan cuba muntahkannya. Jika masih sedar diri, berikan beberapa gelas air. Jangan sesekali berikan apa-apa menggunakan mulut kepada orang yang tidak sedar diri. Dapatkan rawatan perubatan.
Nota Kepada Doktor:	Rawat sebaik-baiknya mengikut simptom.

5. LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEBAKARAN

Alat Pemadam:	Gunakan langkah-langkah pemadaman yang bersesuaian dengan keadaan tempatan dan persekitaran.
Alat Perlindungan Khas untuk Ahli Pemadam Bomba:	Pakai alat perlindungan yang sesuai. Jika berlaku kebakaran, pakai alat pernafasan lengkap sendiri ('Self Contained Breathing Apparatus').
Bahaya yang Spesifik:	Pembakaran menghasilkan wasap merengsa.
Hasil Penguraian dan/atau Pembakaran Berbahaya:	Karbon monoksida, Karbon dioksida, Oksida Sesium.
Risiko Letupan Habuk:	Tidak ditentukan.

6. LANGKAH-LANGKAH MENCEGAH KEMALANGAN

Langkah-Langkah Keselamatan Diri:	Elakkan pembentukan habuk. Pastikan pengudaraan memadai. Gunakan alat perlindungan diri. Sila rujuk Bahagian 8.
Langkah-Langkah Penjagaan Alam Sekitar:	Jangan menghasilkan awan habuk dengan menggunakan berus atau udara yang dimampatkan. Bersihkan segera dengan vakum. Gunakan pembersih hampagas yang sesuai. Kutip dan pindahkan ke dalam bekas yang telah ditandakan dengan elok. Sila rujuk Bahagian 13.
Langkah-Langkah Waspada Alam Sekitar:	Jangan siram ke dalam air permukaan atau sistem kumbahan sanitari. Jangan biarkan bahan mencemarkan sistem air tanah. Pihak berkuasa tempatan perlu dinasihati jika berlakunya tumpahan serius yang tidak dapat dikandung. Sila rujuk Bahagian 13.

7. PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN

Penggunaan:	Elakkan daripada terkena kulit dan mata. Elakkan pembentukan habuk. Jangan sedut habuk. Sediakan ekzos pengudaraan yang sesuai pada peralatan dan di tempat di mana habuk boleh dihasilkan.
--------------------	---

Penyimpanan: Bahan higroskopik. Sedia menyerap air daripada atmosfera. Jauhkan dari udara lembab dan air. Tutup bekas dengan ketat dan disimpan di tempat yang kering, nyaman ('cool') dan mempunyai pengudaraan yang baik. Simpan dalam bekas yang berlabel sewajarnya. Jangan simpan bersama agen pengoksidaan keras.

8. KAWALAN PENDEDAHAN/ PERLINDUNGAN DIRI

HAD PENDEDAHAN

Tidak ada had pendedahan dikenal pasti bagi produk ini. Had pendedahan bagi habuk dinyatakan di bawah.

Habuk atau Butiran yang Tidak Dinyatakan Secara Spesifik:	MAK Austria:	10 mg/m ³ , STEL 2x30 min, Habuk boleh tersedut 5 mg/m ³ , TWA, Habuk boleh tersedut
	Belgium:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Perancis:	10 mg/m ³ , TWA Habuk tersedut 5 mg/m ³ , TWA Habuk terhirup
	Jerman - TRGS 900:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh Terhirup 3 mg/m ³ , TWA, Pecahan boleh terhirup
	Ireland:	10 mg/m ³ , TWA, Seluruh yang boleh tersedut 4 mg/m ³ , TWA, Boleh Terhirup
	Itali:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Sepanyol:	10 mg/m ³ , VLA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , VLA, Boleh terhirup
	Sweden:	10 mg/m ³ , NGV, Seluruh yang boleh tersedut 5 mg/m ³ , NGV, Boleh Terhirup
	Belanda:	10 mg/m ³ , TGG, Boleh Terhirup 5 mg/m ³ , TGG, Boleh Terhirup
	United Kingdom - WEL:	10 mg/m ³ , TWA, Seluruh Habuk yang boleh tersedut 4 mg/m ³ , TWA, Habuk boleh terhirup
	Amerika Syarikat ACGIH - TLV:	10 mg/m ³ , TWA, Boleh tersedut 3 mg/m ³ , TWA, Boleh terhirup
	Amerika Syarikat OSHA - PEL:	15 mg/m ³ , TWA, Seluruh yang boleh tersedut 5 mg/m ³ , TWA, Boleh Terhirup

DNEL: 0.05 mg/kg bw/d - kulit
0.025 mg/kg bw/d - sedutan

PNEC: Lihat senario pendedahan

KAWALAN KEJURUTERAAN Pastikan alih udara yang memadai demi mengurangkan pendedahan.

ALAT PERLINDUNGAN DIRI

Perlindungan Pernafasan: Alat pernafasan yang dibenarkan mungkin diperlukan jika ekzos pengudaraan tempatan tidak memadai.

Perlindungan Tangan: Pakai sebagaimana wajar. Sarung tangan tidak telus. Sarung tangan neoprena. Sarung tangan getah nitril. Sarung tangan getah. Sarung tangan PVC atau bahan plastik lain.

Perlindungan Mata: Pakai alat perlindungan mata/muka. Kaca mata keselamatan yang mempunyai perisai di tepi. Kaca mata 'Goggles'.

Perlindungan Kulit dan Badan: Pakai pakaian pelindung tak telus kimia jika sentuhan kulit boleh terjadi.

Lain-Lain: Guna berpandukan amalan kebersihan dan keselamatan industri yang baik. Pencuci mata kecemasan dan paip mandi keselamatan haruslah ditempatkan berdekatan

9. HAKMILIK KANDUNGAN KIMIA DAN FIZIKAL

Keadaan Fizikal:	Pepejal habluran putih
Bau:	Tiada
Ambang Bau:	Tiada
pH:	9 - 11 apabila dilarutkan dalam air
Kepekatan:	3.10 g/cm ³
Ketumpatan Pukal:	Tidak ditentukan
Ketumpatan Wap:	Tidak berkenaan
Takat/ Had Didih:	Tidak berkenaan
Takat/ Had Cair:	>633K
Tekanan Wap:	< 4.8 x 10 ⁻⁴ Pa at 25°C
Keterlarutan dalam Air:	84.6-86.6% terlarut pada suhu 20+/- .5°C
Kadar Penyejatan:	Tidak berkenaan
Kelikatan:	Tidak berkenaan
Partit Koefisien 'Partition'(n-oktanol/air):	<-2.20 (tiada potensi untuk biomemekat)
Tegangan Permukaan:	72.4 mN/m pada 21.0 ± 0.5°C untuk larutan 1.04 g/l.
Kaedah:	Tidak berkenaan
Had Boleh Terbakar di Udara -Tinggi (%):	Tidak ditentukan
Had Boleh Terbakar di Udara - Rendah (%):	Tidak ditentukan
Suhu Nyalaan Otomatik:	Tiada di bawah suhu cairnya bahan ini (kira-kira 42°C)
Kaedah:	Kaedah A16 daripada 440/2008/EC
Klasifikasi Kebolehnyaalaan:	Tidak mudah menyala
Suhu Penguraian:	Tidak ditentukan
Sifat Mengoksida:	Tidak ditentukan

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Kestabilan:	Stabil
Pempolimeran Berbahaya:	Pempolimeran berbahaya tidak berlaku.

- Keadaan yang Perlu Dielakkan:** Elakkan sentuhan dengan agen pengoksidaan keras. Semasa pendedahan berpanjangan kepada suhu tinggi, dan bersentuhan dengan mangkin tertentu, sedikit pembebasan gas (H₂ dan CO) mungkin terjadi. Risiko paling besar wujud apabila serbuk format kering bersentuhan dengan mangkin platinum. Pengguna dinasihatkan supaya mendapatkan Manual Teknikal Format daripada Cabot Specialty Fluid (CSF), Seksyen A13, melalui wakil CSF bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci tentang keadaan yang harus dielakkan. CSF tidak menyarankan proses retort atas larutan format bagi menentukan kandungan pepejal di dalamnya, kerana suhu boleh melebihi 500 °C. Penggunaan cakera pecah (rupture disk) disarankan sebagai langkah waspada apabila melakukan penuaan haba atas larutan formate pada suhu melebihi 150 °C.
- Bahan Penguraian Berbahaya:** Karbon dioksida, Karbon monoksida, Oksida Sesium.
- Kesan Pelepasan Statik:** Elakkan pembentukan habuk. Sila ambil langkah-langkah keselamatan terhadap pelepasan statik.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

KETOKSIKAN CERDAS

Secara Oral LD50: LD50/oral/tikus > 300 mg/kg dan < 2000 mg/kg. Lihat STOT - Pendedahan Tunggal di bawah.

Sedutan LC50: Tidak ditentukan.

Dermal LD50: LD50/kulit/tikus = >2000 mg/kg.

STOT - Pendedahan Tunggal: Kesan pada sistem saraf pusat dicerap di kalangan tikus setelah pendedahan oral tunggal kepada 1250 mg/kg dan lebih tinggi.

Rangsangan Mata: Merengsa mata.

Rangsangan Kulit: Indeks kerengsaan primer = 1.8 Tidak diklasifikasikan sebagai zat merengsa

KETOKSIKAN SUBKRONIK

28 hari/oral/tikus: NOAEL = 15 mg/kg/hari. Lihat STOT - Pendedahan Tunggal di bawah.

STOT - Pendedahan Berulang: Dalam satu kajian oral 28 hari pada tikus, kesan dicerap dalam sistem organ berbilang pada dos tinggi (500mg/kg/d). Tanda keneurotoksikan juga dicerap. Kiraan reticulosit yang tinggi dan kesan pada jantung, hati, limpa dan biokimia serum dicerap pada dos pertengahan (150 mg/kg/d). Kiraan reticulosit yang tinggi merupakan satu-satunya kesan yang dicerap pada dos rendah (15 mg/kg/d)

KETOKSIKAN KRONIK

Kesan Mutagen:

Tidak mutagen dalam Ujian AMES, Negatif dalam ujian keabaran kromosom pada limfosit manusia, Negatif dalam cerakin limfoma mencit.

Ketoksikan Reproduktif: Kesan dicerap pada ovari dan testis pada kadar dos 500 mg/kg/hari dalam kajian dos oral berulang 28 hari pada tikus. Tiada kesan dicerap pada organ pembiakan pada dua dos yang rendah (150 dan 15 mg/kg/hari).

Kesan Pemekaan: Tidak mengandungi zat memeka yang diketahui.

Synergi Bahan 'Synergistic': Tiada yang boleh diteka secara munasabah.

Kesan Karsinogen: Tidak mengandungi apa-apa zat yang disenaraikan oleh IARC (Agensi Kaji Selidik Kanser Antarabangsa), NTP (Program Toksikologi Negara), OSHA (Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), ACGIH (Persidangan Ahli Kebersihan Industri Kerajaan Amerika Syarikat) atau EU (Kumpulan Eropah).

Bahaya Penghirupan: Tidak ditentukan

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Ketoksikan Akuatik:

LAUT:

Tiram Pasifik (*Crassostrea gigas*) EC50 (24 jam) = 1200 mg/l
Kopepod laut (*Acartia tonsa*) EC50 (48 jam) = 340 mg/l
Alga laut (*Skeletonema costatum*) EbC50 (72 jam) = 710 mg/l; ErC50 (0-72jam) = 1600mg/l; NOEC = 320mg/l
Udang Brown shrimp (*Crangon crangon*) LC50 (96 jam) = 91 mg/l
Anak turbot (*Scophthalmus maximus*)LC50 (96 jam) = 260 mg/l
Ctenogobius gymnauchen LC50 (96jam) = 861.5mg/l
Amfipod (*Corophium volutator*) LC50 (10 hari) = 6653 mg/kg
Mysidopsis bahia LC50 (96jam) < 30 000ppm

AIR TAWAR:

Brachydanio rerio LC50 (96jam) >100 mg/l
Ikan rainbow trout (*Oncorhynchus mykiss*) LC50 (96 jam) = 2100 mg/l
Kutu air (*Daphnia magna*) EC50 (48 jam) >100 mg/l
Alga air tawar (*desmodesmus subspicatus*, formerly *Scenedesmus subspicatus*)
ErC50 (0-72 jam) = 110 mg/l; NOEC = 56mg/l
Alga air tawar (*Pseudokirchneriella*, formerly *Selanstrium capricornutum*) ErC50 (0-72 jam) = 110 mg/l; NOEC = 18mg/l

Maklumat Lain:

Dalam kebanyakan spesies laut, bahan ini tidak menunjukkan ketoksikan dan telah menerima Pentarafan EMAS/PERAK/PERAK bagi produk penggerudian dan EMAS bagi produk Completion/Workover di bawah Format Pemberitahuan Luar Pantai dan Kimia Diseragamkan (HOCNF) PARCOM.

PENYESUAIAN DENGAN PERSEKITARAN

Peralihan:

Tiada data.

Pengumpulan Bio:

Log Pow = <-2.20 (tiada potensi untuk biomemekat). Sila rujuk Bahagian 9.

Persisten/Degradasi:

Sedia biodegradasi
Kesediaan Biodegradasi dalam Air Laut – Ujian Botol Tertutup (Kaedah 306 OECD) = degradasi 79% setelah 28 hari

Mudah Biodegradasi dalam Air Laut - Ujian Botol Tertutup (Kaedah 306 OECD) = degradasi 66% setelah 28 hari

Kesediaan Biodegradasi dalam Air Tawar – Ujian Botol Tertutup (Kaedah 301D OECD) = degradasi 83% setelah 28 hari

Mudah Biodegradasi dalam Air Tawar - Ujian Botol Tertutup (Kaedah 301D OECD) = degradasi 79% setelah 28 hari

Penilaian PBT dan vPvB:

Sesium format dianggap bukan zat PBT atau vPvB

Kesan buruk yang lain:

Tiada data lain

13. PERTIMBANGAN UNTUK PEMBUANGAN

Penafian: Maklumat dalam Bahagian ini berkaitan dengan produk sebagaimana ia dihantar dalam keadaan yang diniatkan seperti yang dinyatakan oleh Bahagian 2 dalam KDKB ini. Pencemaran atau pemprosesan mungkin akan mengubah ciri-ciri dan keperluannya pembuangan produk. Peraturan mungkin juga berkait guna dengan bekas kosong, pengalas atau pembilas. Peraturan negeri/daerah mungkin berbeza dari peraturan persekutuan.

Produk ini, sebagaimana dibekalkan, harus dilupuskan sejajar dengan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Pertimbangan yang sama juga harus diberikan bagi bekas dan bungkusannya..

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Tidak diliputi oleh Peraturan Antarabangsa tentang pengangkutan Barang Berbahaya (IMDG, IATA, ADR/RID).

Nombor PBB: Tidak dikawalselia

Nama Pengiriman Wajar PBB: Tidak dikawalselia

Kelas Pengiriman PBB: Tidak dikawalselia

Kumpulan Pembungkusan PBB: Tidak dikawalselia

Kod IBC IMO:

Sesium Format – Buat sementara ditaksir sebagai: Pencemaran Kategori Z, Kapal Jenis 3, dengan tambahan syarat 15.19.6.

IMDG (Kod Barang Berbahaya Pertubuhan Maritim Antarabangsa):

Tidak dikawalselia.

IATA (Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa):

Tidak dikawalselia.

15. MAKLUMAT PENGAWALATURAN

Taksiran Keselamatan Kimia EU:

Sejajar dengan Perkara 14.4 Peraturan REACH, Taksiran Keselamatan Kimia telah dijalankan..

Senario Pendedahan EU

Senario pendedahan boleh didapati jika diminta.

Klasifikasi Bahaya Eropah (EU):



Sejajar dengan 67/548/EEC:

Frasa Risiko: R36 - Merengsa mata.

Frasa Kombinasi Risiko R48/22 - Juga memudaratkan: bahaya penjejasan kesihatan yang serius oleh pendedahan berpanjangan jika ditelan

Frasa Keselamatan : S22 - Jangan menyedut habuk.

Frasa Kombinasi Keselamatan: S24/25 - Elakkan sentuhan dengan kulit dan mata.

Inventori Antarabangsa

Semua komponen produk ini disenaraikan pada atau dikecualikan dari inventori-inventori berikut:

- YA - Inventori Zat Kimia Australia (AICS)
- YA - Senarai Zat Dalam Negeri (DSL) Kanada
- TIDAK - Inventori China
- YA - Inventori Zat Kimia Komersial Wujud Eropah (EINECS)
- TIDAK - Zat Kimia Wujud dan Baru Jepun (ENCS)
- TIDAK - Inventori Zat Kimia Wujud Korea (KECL)
- TIDAK - Akta Zat Berbahaya dan Organisma Baru New Zealand (HSNO)
- TIDAK - Inventori Kimia dan Zat Kimia Filipina (PICCS)
- YA - Inventori Akta Kawalan Zat Toksik (TSCA) Amerika Syarikat

Kelas Pembahayaan Air (WGK) Jerman

Nbr ID WGK: Tidak ditentukan

Kategori Toksik Giftklasse (Kelas Racun) Switzerland

Nbr ID: Tidak ditentukan

16. MAKLUMAT LAIN

Rujukan:

MARPOL 73/78, Edisi terbaru Pekeliling Jawatankuasa Perlindungan Persekitaran Laut (MEPC) MEPC.2/Circular, Kod IBC, Ketetapan IMO A.673(16) Garis Panduan bagi Pengangkutan dan Pengendalian Zat Berbahaya dan Zat Cecair Beracun dalam Jumlah Terbatas secara pukal dalam Kapal Penyokong Operasi Luar Pantai.
Lihat Seksyen 1.

Disediakan Oleh:	Cabot Corporation – Urusan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
Tarikh Ulangkaji:	05/Ogos/2011
Tarikh Semakan Sebelumnya:	19/November/2010
Tujuan Semakan:	Semakan bagi Bahagian 1, 2, 8, 9, 12

Penafian:

Maklumat yang dibentangkan ini adalah berdasarkan maklumat yang Cabot Corporation percaya adalah tepat. Tiada waranti dimaksudkan, secara nyata mahupun tersirat. Maklumat ini diberikan semata-mata untuk maklumat dan pertimbangan anda. Cabot tidak bertanggung jawab di sisi undang-undang atas penggunaan atau pergantungan pada maklumat ini. Jika ada perbezaan antara maklumat dalam dokumen bukan berbahasa Inggeris dengan dokument bahasa Inggeris, dokumen yang sah ialah dokumen Inggeris.

® dan 'TM' menunjukkan cap dagangan Cabot Corporation.